

Publication: Berita Harian, p 9

Date: 26 October 2013

Headline: Indonesian cooperative BMT plans start-up of Singapore-based financing firm

Koperatif Indo rancang buka firma biaya di S'pura

Mahu kumpul dana \$20j setahun bantu 200,000 orang susah berniaga

► NORHAIZA HASHIM
norhaiza@sph.com.sg

SEBUAH koperatif yang banyak membantu golongan miskin di Indonesia, Baitul Maal Wat Tamwil (BMT), merancang membuka firma pembiayaan di Singapura bagi mengumpulkan dana sebanyak \$20 juta setahun daripada para penderma institusi dan individu.

Menggunakan pembiayaan mikro Islam, firma BMT Singapore ingin membantu 200,000 golongan miskin di Indonesia setahun bagi membantu mereka memulakan perusahaan kecil-kecilan serta membangunkan kemudahan asas seperti penjagaan kesihatan dan sekolah di perkampungan mereka.

Encik Alfie Othman, yang mengetuai rancangan pembentukan firma itu di Singapura, berkata pihak BMT sedang berunding dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) bagi mendapatkan status Pertubuhan Kebajikan Antarabangsa (ICO) di sini.

BMT, dibentuk Yayasan Dompet Dhuafa sejak 2005, merupakan koperatif simpanan di bawah Kementerian Koperatif dan Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) di Indonesia.

Dengan aset sebanyak AS\$500 juta (\$619 juta), ia menggunakan pembiayaan mikro Islam bagi membantu lebih 1.5 juta anggotanya.

"BMT merancang membuka firma pembiayaan di Singapura kerana sebagai sebuah pusat pengurusan harta, penderma dari dalam dan luar negara akan berasa lebih yakin terhadap pengawalan dan kredibiliti pengurusan dana tersebut di sini."



PROMOSI PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM: (Dari kiri) Encik Alfie, Bapak Meliadi Sembiring, Encik Saat Suharto, Encik Zainul Abidin Rasheed dan Encik Suhami Zainul.

"Harapan kami ialah menarik penderma mewah, institusi besar serta yayasan antarabangsa bagi menyokong program BMT," kata Encik Alfie, yang juga Pengarah Eksekutif Persatuan Perniagaan Sosial dan Pengasas Ikhlas Holdings, yang ditemui semalam selepas seminar *Mengurangkan Kemiskinan Melalui Pembiayaan Mikro Islam: Model BMT di Indonesia*.

Seminar itu yang diadakan dan disokong Pusat Undang-Undang dan Kewangan Islam Antarabangsa Universiti Pengurusan Singapura (SMU), turut dihadiri Timbalan Menteri Koperatif dan SME Indonesia, Bapak Meliadi Sembiring dan Duta Besar Singapura ke Kuwait, Encik Zainul Abidin Rasheed.

Mengongsikan model BMT, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PT Permodalan BMT Ventura, Encik Saat Suharto berkata Indonesia mempunyai 28.07 orang miskin yang hidup dengan pendapatan 60 sen per kapita sehari.

"Golongan miskin itu hidup dengan simpanan 60 sen sehari. Mereka diberi duit seba-

nyak AS\$50 bagi mengusahakan perniagaan kecil-kecilan. Mereka juga diberikan buku bank agar dapat menabung secara tetap," ujar Encik Saat.

Dalam ucapannya, Encik Zainul berkata majoriti model pembiayaan mikro dilaksanakan di dunia berdasarkan pembayaran kadar faedah yang kadangkala lebih tinggi daripada apa yang ditawarkan institusi kewangan komersial.

Namun, model itu sukar dikekalkan kerana kadar faedah tinggi menyebabkan penerima bantuan sukar membayar balik dan meluaskan pembayaran itu.

"Sebaliknya, pembiayaan mikro Islam dibentuk berdasarkan prinsip menggalakkan keusahawanan, mempromosikan perkongesian risiko dan menggalak mereka termasuk golongan miskin mengambil bahagian dalam usaha mengurangkan kemiskinan. Ini menunjukkan betapa pembiayaan mikro Islam merupakan satu sistem moral yang dapat mencapai keadilan ekonomi," tambah Encik Zainul.

TUKARAN ASING

Mata wang bagi S\$1
Tukaran

		Nilai
RM	2.554	AS\$ (\$\$ bagi AS\$1)
Rupiah	8,911	Euro (\$\$ bagi 1 Euro)
Baht	25.14	Paun (\$\$ bagi 1 paun)
Aust\$	0.843	
Yen	78.67	
Peso F	34.82	
Rupee	49.80	
Riyal S	3.034	
HK\$	6.272	
NZ\$	0.976	
Renminbi	4.922	

Mata wang
Tukaran

AS\$ (\$\$ bagi AS\$1)	1.236
Euro (\$\$ bagi 1 Euro)	1.705
Paun (\$\$ bagi 1 paun)	2.001

ZAKAT HARTA

Kadar nisab:

\$4,901.00